

**Majlis Pelancaran
Bantuan Guaman Syarie
Negeri Sembilan
(ANSAR)**

**Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia
Yang di-Pertuan Besar
Negeri Sembilan Darul Khusus,
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum
Tuanku Munawir**

**Jumaat, 27 September 2019
9.15 pagi**

**Hotel Royale Chulan
Seremban**

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah segala puji ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya jua, Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Majlis Pelancaran Bantuan Guaman Syarie Negeri Sembilan pada pagi ini.

2. Proses perbicaraan mahkamah bukanlah satu proses yang mudah untuk difahami oleh setiap individu. Peguam yang berpengetahuan dan berpengalaman adalah diperlukan untuk membentangkan hak dan kepentingan anak guam mereka. Peguam juga perlu untuk memberi nasihat dalam perkara-perkara yang melibatkan undang-undang *procedural* yang amat kompleks serta sukar difahami oleh orang awam. Namun demikian, tidak semua mampu melantik peguam dalam perbicaraan kes di mahkamah.

3. Beta bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana hasrat Beta supaya diwujudkan satu skim bantuan guaman syariah untuk golongan yang kurang berkemampuan, telah disambut baik oleh Persatuan Peguam Syarie Negeri Sembilan. Persatuan ini akan bertindak sebagai penyelaras dan pelaksana bantuan guaman yang dikenali sebagai Bantuan Guaman Syarie Negeri Sembilan atau nama ringkasnya aNSar yang memberikan perkhidmatan percuma kepada mereka yang layak. Beta disembah maklum bahawa aNSar adalah merupakan perkhidmatan bantuan guaman syariah pertama di Malaysia.

4. Besarlah harapan Beta agar pelaksanaan aNSar ini dijalankan dengan baik dan berkesan. Beta juga menyeru agar Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat serta NGO-NGO turut sama memberi sokongan kepada inisiatif ini. Adalah diharapkan agar peguam-peguam syarie yang terlibat akan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan professional supaya perkhidmatan aNSar ini mencapai objektifnya. Semoga Allah s.w.t. akan memberikan ganjaran kebaikan kepada kamu semua.

5. Mengakhiri titah, Beta ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Persatuan Peguam Syarie Negeri Sembilan serta semua yang terlibat dalam inisiatif aNSar ini. Marilah kita sama-sama memohon doa ke hadrat Allah s.w.t. semoga kita semua sentiasa mendapat pertolongan dan berada dalam pemeliharaanNya. Dengan lafaz suci **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, Beta merasmikan Bantuan Guaman Syarie Negeri Sembilan.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.